

# 180 Pelajar UMS bantu dalam sambutan Wesak di Santavana, Tuaran

Oleh Lee Shu Sin

Kota Kinabalu, 4 Mei - Seramai 180 orang pelajar UMS yang merupakan pengikut agama Buddha menjadi pembantu sukarelawan bagi aktiviti perayaan Wesak di *Santavana Forest Hermitage*, Tuaran.

"Apabila Santavana memerlukan bantuan, banyak pelajar UMS sedia untuk membantu, dan bukan sahaja dalam Hari Wesak ini tetapi juga aktiviti lain," kata Vincent Woon, 24, yang juga pelajar UMS serta salah seorang sukarelawan pada hari itu.

Pada Hari Wesak bersamaan 3 Mei, pengikut agama Buddha dan juga pengikut agama lain yang berminat telah dijemput untuk menyertai aktiviti perayaan ini.

Seawal jam 6 pagi, Santavana sudah dikerumuni oleh kira-kira 700 pengikut Buddha untuk meraikan Hari Wesak, satu perayaan yang dikhaskan untuk mengingati Buddha bersama-sama.

Pada hari tersebut, beberapa acara tradisi telah dijalankan seperti memberi sedekah kepada para sami dan juga mandikan patung Buddha.

Dalam sesi memberi sedekah, para *sangha* akan jalan menerusi barisan pengikut Buddha yang melutut, dan *sangha* akan menerima barang-barangan sedekah daripada mereka.

Antara yang disedekah kepada para sami ialah makanan dan barang keperluan sehari-hari.

"Terdapat juga pihak luar yang baik hati telah menderma makanan dan minuman pada hari ini seperti cendol, mee, rojak, buah-

buahan dan sebagainya," kata Vincent. Beberapa gerai makanan dan minuman telah dibuka dan membekalkan makanan dan minuman yang percuma kepada pengunjung dan peserta aktiviti ini.

Selain itu, pihak Santavana menggalakkan para pengunjung dan peserta untuk membawa bekas makanan masing-masing untuk menyeru konsep '*no rubbish*'.

Santavana telah menarik kehadiran pengikut-pengikut Buddha yang datang dari pelbagai tempat, bukan sahaja dalam negara tetapi juga ada yang dari luar negara.

Santavana Forest Hermitage merupakan sebuah tokong yang mempunyai sejarah yang lama dan terkenal di Sabah. Ia juga merupakan satu tempat perlancungan bagi pengikut agama Buddha dan mereka cenderung untuk melawati tokong ini atas pemandangannya yang indah.

Hari Wesak pada tahun ini adalah lebih unik kerana terdapat perbezaan tarikh sebanyak sebulan di antara Malaysia dengan negara lain seperti Singapura.

Perbezaan ini adalah kerana perbezaan pengiraan kalender masing-masing, dan keadaan ini juga pernah berlaku pada tahun 2007 yang lalu.

Penyambutan Hari Wesak di *Santavana Forest Hermitage* berakhir dengan sempurna pada pukul 2 petang hari tersebut.



Seramai 700 orang pengikut agama Buddha bersama-sama meriahkan Hari Wesak di Santavana, Tuaran.